

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 15.10.2019 (SELASA)

NO. SOALAN : 1

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status dan kesediaan Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif subsidi petrol bersasar dan berapakah kos yang digunakan secara purata dalam seminggu untuk mengekalkan harga RON95 pada RM2.08 seliter.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN SERENTAK DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 6.11.2019 (RABU)

NO. SOALAN : 12

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah halangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian sehingga gagal untuk melengkapkan data kumpulan sasaran bagi melaksanakan mekanisma skim subsidi petrol bersasar walaupun sudah setahun mentadbir.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 6.11.2019 (RABU)

NO. SOALAN : 54

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah kesukaran yang dihadapi oleh pihak Kementerian bagi melaksanakan sistem subsidi petrol bersasar yang masih tertangguh dan bilakah jangkaan sistem ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan seperti dinyatakan di dalam Belanjawan 2019.

NO. SOALAN : 1

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 12.11.2019 (SELASA)

NO. SOALAN : 13

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan Subsidi Bersasar.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 21.11.2019 (SELASA)

NO. SOALAN : 46

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan maklumat terperinci terhadap pelaksanaan subsidi petrol bersasar yang telah dibincangkan sekian lama. Sama ada Kementerian berhasrat untuk melanjutkan subsidi petrol bersasar ini kepada kumpulan M40.

NO. SOALAN : 1

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 27.11.2019 (RABU)

NO. SOALAN : 42

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status dan kaedah pelaksanaan skim subsidi petrol bersasar yang mahu dilaksanakan oleh Kementerian.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 3.12.2019 (SELASA)

NO. SOALAN : 31

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan penangguhan pelaksanaan skim subsidi petrol bersasar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan daripada **Yang Berhormat Bandar Kuching** bersekali dengan pertanyaan daripada **Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Rembau pada 6 November 2019, Yang Berhormat Tanah Merah pada 12 November 2019, Yang Berhormat Ipoh Timur pada 21 November 2019, Yang Berhormat Kangar pada 27 November 2019 dan Yang Berhormat Kubang Kerian pada 3 Disember 2019 kerana kesemuanya menyentuh berkaitan Program Subsidi Petrol (PSP).**

Tuan Yang Di-Pertua,

Penggubalan dasar bagi Program Subsidi Petrol (PSP) mengambil tempoh masa panjang yang merangkumi proses mengumpul dan meneliti pandangan dan pendapat dari pelbagai pihak berkepentingan seperti syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha stesen, persatuan-persatuan pengguna, agensi kerajaan dan ahli-ahli ekonomi. Sesi keterlibatan ini membantu Kementerian merungkai isu dan masalah pemberian subsidi pukal produk petrol RON95 pada masa ini.

Apa yang jelas adalah subsidi petrol secara pukal ini membantu golongan berpendapatan rendah (B40) membeli petrol pada harga yang berpatutan tetapi ia juga menyebabkan golongan berpendapatan tinggi (T20) menikmati lebih banyak subsidi petrol kerana mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran seperti Johor, Perlis, Kedah dan Kelantan didapati bahawa pemilik kenderaan dari luar turut mengisi petrol dan mereka ini juga secara langsung menikmati subsidi daripada Kerajaan. Oleh yang demikian Kerajaan perlu membetulkan keadaan ini dengan melaksanakan **pengagihan semula subsidi yang saksama** (*equitable redistribution of subsidy*). Ini adalah prinsip yang dipegang dalam Program Subsidi Petrol iaitu menyampaikan subsidi petrol kepada kumpulan yang layak.

Program Subsidi Petrol bagi kumpulan B40 akan bermula pada Januari 2020, terbahagi kepada dua komponen utama. Komponen

pertama adalah pemberian subsidi dalam bentuk wang tunai yang akan dimasukkan ke dalam akaun penerima. Kadar subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM30 sebulan bagi pemilik kereta atau RM12 sebulan bagi pemilik motosikal, terhad kepada salah satu kadar yang lebih tinggi. Had maksimum pemilikan kenderaan bagi seorang individu ialah sebanyak dua (2) buah kereta dan dua (2) buah motosikal. Namun begitu, individu yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan hanya layak menerima kadar subsidi untuk satu kenderaan sahaja

Komponen kedua adalah penyelarasan harga petrol secara beransur-ansur (*gradual*) antara harga jualan runcit petrol RON95 yang bersubsidi iaitu RM2.08 seliter dengan harga sebenar petrol RON95. Penyelarasan harga ini akan dilaksanakan secara beransur-ansur (*gradual*) dalam tempoh masa yang panjang. Dalam hal ini penyelarasan harga adalah seminimum yang mungkin iaitu sebanyak satu atau dua sen seminggu.

Pemberian subsidi petrol adalah khusus untuk penerima program Bantuan Sara Hidup (BSH) di Semenanjung Malaysia sahaja, oleh itu penyelarasan harga petrol hanya akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi penduduk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak menerima Program Subsidi Petrol, maka subsidi pukal bagi produk petrol RON95 diteruskan pada harga maksimum bagi jualan runcit petrol RON95 sebanyak RM2.08 seliter di semua stesen minyak di sana.

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Subsidi Petrol bagi kumpulan B40 adalah menggunakan data asas daripada program Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi mengenal pasti kumpulan berpendapatan rendah. Seterusnya Kementerian telah memadankan (*match*) data tersebut dengan data pemilikan kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Melalui **penggubalan dasar berpandukan data** (*data driven policy*) Kementerian dapat mengenal pasti 2,862,472 individu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan Program Subsidi Petrol (PSP). Kerja-kerja mengenal pasti individu yang layak bermula dengan data asas program Bantuan Sara Hidup (BSH) iaitu:

NO. SOALAN : 1

- (a) 2.9 juta data bujang dari BSH 2018;
- (b) 3.35 juta data pemohon dan pasangan BSH 2019; dan
- (c) 3.4 juta data anak BSH 2019.

Manakala data asas pemilikan kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah seperti berikut:

- (a) 11.6 juta kereta aktif; dan
- (b) 6.8 juta motosikal aktif.

Kedua-dua data ini dipadankan bagi mengenal pasti pemilikan kenderaan setiap individu. Akhirnya ia ditapis mengikut kriteria-kriteria kelayakan Program Subsidi Petrol (PSP) iaitu:

- (a) penerima BSH beralamat di Semenanjung Malaysia;
- (b) memiliki kenderaan persendirian yang berdafar dan mempunyai Lesen Kenderaan Motor yang masih sah;
- (c) had pemilikan kenderaan individu adalah dua buah kereta dan dua buah motosikal; dan
- (d) kenderaan yang memenuhi kriteria kenderaan PSP iaitu:
 - (i) kereta berkapasiti enjin 1,600cc dan ke bawah;
 - (ii) kereta berkapasiti enjin 1,600cc ke atas yang berumur 10 tahun dan ke atas;
 - (iii) motosikal berkapasiti enjin 150cc dan ke bawah; atau
 - (iv) motosikal berkapasiti enjin 150cc ke atas yang berumur tujuh (7) tahun dan ke atas.

Apa yang unik mengenai bagi pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) bagi kumpulan B40 ini adalah mereka **tidak perlu mengisi borang dan mengemukakan permohonan** kepada Kementerian. Bermula hari ini, 15 Oktober 2019 penerima BSH boleh terus ke portal PSP (psp.kpdnhep.gov.my) untuk menyemak kelayakan mereka. Penerima yang layak akan diminta untuk mengemas kini maklumat akaun bagi tujuan pembayaran pada bulan April 2020.

Sekiranya terdapat individu yang tahu dia memenuhi semua syarat Program Subsidi Petrol tetapi hasil semakan di portal mendapatkan bahawa dia tidak layak, Kementerian memberikan ruang kepada dia untuk terus membuat rayuan. Kementerian menyedari bahawa data-data seperti data JPJ yang digunakan oleh Kementerian adalah data statik (*tidak berubah*) walhal secara realiti, data JPJ akan sentiasa berubah kerana pembelian dan penjualan kenderaan berlaku setiap hari. Pendekatan bagi penggunaan data statik ini dibuat dari sudut praktikal pelaksanaan PSP. Namun saya percaya ini akan ditambah baik dengan menggunakan data-data hidup (*live data*) pada masa hadapan apabila sistem ini semakin matang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai pertanyaan berkaitan cadangan untuk memperluaskan Program Subsidi Petrol ini kepada kumpulan M40. Ingin dimaklumkan bahawa Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 yang lalu telah mengumumkan kategori kedua penerima Program Subsidi Petrol yang merangkumi rakyat Malaysia selain daripada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH). Cara permohonan dan kaedah menyemak kelayakan di bawah kategori ini akan diumumkan kelak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai kos dalam seminggu untuk mengekalkan harga petrol RON95 pada RM2.08 seliter, Kementerian Kewangan menganggarkan sebanyak RM99.76 juta diperlukan untuk mengekalkan harga jualan runcit petrol RON95 pada harga RM2.08 seliter daripada harga sebenar petrol RON95 iaitu RM2.37 untuk tempoh 12 hingga 18 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.